



## “GOLONGAN YANG DIKASIHI ALLAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي  
يُحِبِّكُمْ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Marilah kita mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita akan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.



Marilah sama-sama kita hayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "**Golongan Yang Dikasihi Allah**".

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Allah telah menciptakan makhluknya dengan pelbagai bentuk, rupa dan keadaan. Ada yang dilihat cantik dan ada yang dipandang buruk pada pandangan mata kasar manusia. Begitu jugalah dengan penciptaan manusia, ada yang Allah golongan mereka dalam kalangan orang yang dikasihi dan ada pula golongan yang dimurkai oleh-Nya.

Antara golongan manusia yang dikasihi Allah ialah;

**Pertama:** (الْمُتَّقُونَ) Orang Yang Bertakwa.

Orang yang bertakwa ialah orang yang sentiasa menunaikan janji mereka terhadap Allah untuk menjadi seorang hamba yang sentiasa taat dan patuh untuk melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Allah SWT menjanjikan kasih sayang-Nya kepada orang yang bertakwa.

Firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat 76.

بَلَىٰ مَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ ۖ وَاتَّقَىٰ ۖ فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ



*"Bahkan sesiapa yang menepati janji (yang dibuatnya) dan bertakwa, maka sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertakwa".*

**Kedua:** (الْمُحْسِنُونَ) Orang Yang Membuat Kebaikan



Antara amalan baik yang menyebabkan golongan ini mendapat kasih sayang Allah SWT adalah seperti yang digambarkan melalui firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 134:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ  
الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ <sup>قُلْ</sup> وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ



*"Iaitu orang-orang yang menafkahkan hartanya, pada waktu senang ataupun susah, dan orang-orang yang menahan marahnya dan memaafkan kesalahan orang lain. Allah mengasihi orang-orang yang membuat kebaikan".*

**Ketiga:** (الْمُتَطَهِّرُونَ) Orang Yang Membersihkan Diri dan (التَّوَّابُونَ) Orang Yang Bertaubat.

الْمُتَطَهِّرُونَ ialah golongan manusia yang sentiasa membersihkan diri mereka daripada sebarang bentuk kekotoran zahiriah. Seperti bersih daripada najis yang terdapat pada tempat, pakaian, makanan dan minuman harian mereka. Begitu juga mereka adalah golongan yang sentiasa membersihkan diri mereka dengan memeliharanya daripada melakukan dosa dan maksiat.

Manakala التَّوَّابُونَ pula ialah orang yang membersihkan diri mereka dengan bertaubat kepada Allah SWT daripada segala dosa dan maksiat yang



telah dilakukan. Kedua-dua golongan ini merupakan golongan yang dikasihi Allah.

Firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 222.

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

*"Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang Bertaubat dan mengasihi orang yang mensucikan diri.*

Rasulullah SAW turut menegaskan bahawa sebaik-baik anak Adam yang berdosa ialah mereka yang bertaubat terhadap dosa yang telah mereka lakukan.

Hadis daripada Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ، وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

*"Setiap anak Adam itu ada melakukan dosa. Dan sebaik-baik orang yang melakukan dosa itu ialah mereka yang bertaubat".*

*(Riwayat Ibnu Majah).*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Golongan **Keempat** ialah: (الصَّابِرُونَ) Orang Yang Sabar.

Kesabaran dalam menghadapi pelbagai situasi dalam kehidupan bukanlah suatu perkara yang mudah. Kadang-kadang seseorang yang ingin mendapatkan kasih sayang Allah terpaksa bersabar dengan mengorbankan



hartanya, tenaganya, masa lapangnya malah nyawanya demi agama Islam. Lihatlah bagaimana Allah telah menjelaskan kepada kita kisah kesabaran para pengikut nabi-nabi yang terdahulu. Mereka tidak pernah mengenal erti ketakutan dan rasa bimbang demi mempertahankan agama sehingga mereka mampu meraih kasih sayang Allah SWT.

Firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat 146:

وَكَايِنٍ مِّنْ نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ رَبِّيُونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا لِمَا  
أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا اسْتَكَانُوا وَاللَّهُ  
يُحِبُّ الصَّابِرِينَ

*"Dan berapa ramai para nabi yang berperang bersama-sama mereka sejumlah besar dari pengikutnya yang bertakwa. Mereka tidak menjadi lemah kerana bencana yang menimpa mereka di jalan Allah, dan tidak lesu dan tidak pula menyerah kepada musuh. Allah mengasihi orang-orang yang sabar".*

Golongan **Kelima**: (المُقْسِطُونَ) Orang Yang Adil.

Bersikap adil dan tegas dalam memutuskan sesuatu perkara bersesuaian dengan syariat Allah merupakan perkara yang amat dituntut dalam agama. Namun kadang-kadang seseorang itu tewas dengan sogokan duniawi yang berbentuk harta, tahta dan wanita untuk tidak berlaku adil ketika menentukan sesuatu hukuman. Berlaku adil dalam setiap perkara



merupakan perintah Allah dan orang yang menegakkan keadilan akan mendapat kasih sayang-Nya.

Firman Allah dalam Surah al-Maidah ayat 42:

وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ  
الْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

*"Dan jika kamu memutuskan perkara mereka, maka putuskanlah perkara itu di antara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil".*

Manakala golongan **keenam** pula ialah (الْمُتَوَكِّلُونَ) Orang Yang Bertawakkal.

Orang yang bertawakkal ialah golongan yang bergantung harap hanya kepada ketentuan Allah SWT setelah melakukan pelbagai usaha untuk mencapai sesuatu matlamat yang dimpikan. Mereka meyakini bahawa sesuatu perkara itu baik dan buruknya adalah datangnye daripada Allah, Justeru sebagai seorang mukmin segala ketentuan Allah terhadap sesuatu perkara yang telah diusahakan mestilah kita terima dengan penuh reda dan berlapang dada supaya kita tergolong dalam kalangan orang yang bertawakkal yang mendapat kasih sayang Allah.

Firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat 159:



فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ



*"Kemudian apabila kamu telah berazam, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya".*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Golongan seterusnya yang juga dikasihi oleh Allah ialah golongan yang mencontohi keperibadian Nabi Muhammad SAW dalam semua perkara sama ada dalam soal kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan juga kehidupan bernegara. Allah SWT telah menyatakan secara jelas kepada kita semua di dalam al-Quran bahawa mengikuti akhlak Rasulullah SAW adalah menjadi syarat dan tanda ketaatan kita kepada Allah, malah seseorang itu mampu meraih kasih sayang-Nya.

Firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat 31.

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

*"Katakanlah: "Wahai Muhammad Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**



Antara tanda yang menunjukkan seseorang itu mendapat kasih sayang Allah ialah dia semakin dekat dengan agama Allah. Ertinya jika seseorang itu rajin solat, rajin menghadiri majlis-majlis ilmu, suka mendengar nasihat-nasihat agama, rajin membaca al-quran serta ringan tulang untuk melakukan amalan soleh yang lain serta amat membenci perkara maksiat dan melalaikan, itu merupakan tanda akan kecintaan Allah SWT kepada kita.

Hadis daripada Abdullah Bin Mas'ud RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah Azza Wa Jalla memberi dunia kepada orang yang Allah sukai dan yang Allah tidak sukai. Namun Allah tidak memberi agama kecuali kepada orang yang Allah suka sahaja. Barangsiapa yang diberi agama, maka bererti dia telah dicintai oleh Allah".*

*(Riwayat Imam Ahmad).*

Selain daripada beberapa golongan yang telah disebutkan, terdapat golongan lain yang juga turut mendapat kasih sayang Allah. Secara umumnya boleh kita rumuskan bahawa sesiapa sahaja dikalangan hamba-hamba Allah yang melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangannya serta berjuang untuk mendaulatkan agama Islam dan syariat maka mereka akan mendapat kasih sayang dari Allah.

Justeru Mimbar menyeru kepada kita semua agar sama-sama kita berusaha untuk mendapatkan kasih sayang Allah. Semoga kita tergolong dikalangan orang-orang yang selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.





أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾

"Dan diantara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: " Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka".

(al-Baqarah- 201).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.